



UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
JABATAN PENDAFTAR,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,  
LEBUHRAYA TUN RAZAK,  
26300 GAMBANG, KUANTAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR

## **JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)**

### **1. PEGAWAI PSIKOLOGI (KONTRAK : KEKOSONGAN 1)**

Tangga Gaji RM1,909.00 (Minimum) - RM8,644.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan : RM2,112.86); atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan : RM2,112.86); atau
- (iii) ijazah sarjana dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan : RM2,521.70); atau
- (iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM2,828.32); atau
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Syarat Lantikan Tambahan**

**Bagi jawatan yang ditawarkan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Kampus Pekan dan Kampus Gambang.**

**Keutamaan kepada calon :**

- (a) telah mendapat lesen sebagai Kaunselor Berdaftar.**
- (b) memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.**

- (c) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilihan).

## **JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)**

1. **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17 (KONTRAK : KEKOSONGAN 5\*)**

Tangga Gaji RM928.00 (Minimum) - RM3,375.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(Gaji Permulaan: RM928.00)
- dan (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).**

### **Syarat Lantikan Tambahan**

\* Kekosongan jawatan tertakluk kepada keperluan dari semasa ke semasa.

**Keutamaan kepada calon mencapai Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.**

### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

### **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara **Kontrak**.

### **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

## **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,  
LEBUHRAYA TUN RAZAK,  
26300 GAMBANG, KUANTAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR)**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN**

**Pada 10 Oktober 2014.**

## **TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN**

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 17 Oktober 2014.